

25 JAN 2002

Abdullah-Air/I

SINGAPURA PERLU FAHAM KEPERLUAN AIR MALAYSIA, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Singapura perlu memahami keperluan domestik Malaysia jika ingin menyelesaikan isu bekalan air.

"Mereka perlu memahami bahawa Malaysia juga memerlukan air. Air sangat penting kepada Malaysia dan terutama sekali Johor," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang anugerah Sako 2 bagi Novel Kebangsaan di Hotel Istana di sini hari ini.

Beliau berkata demikian apabila ditanya nasihatnya bagaimana Singapura dapat melakukan sesuatu bagi mengatasi isu bekalan air dengan secepat mungkin.

Abdullah berkata Malaysia tidak dapat memberikan perhatian kepada keperluan Singapura sahaja kerana keperluannya juga sangat penting.

"Ini adalah isu utama dan ia telah menjadi perkara pokok pada perbincangan-perbincangan yang diadakan," katanya.

"Saya sentiasa percaya bahawa masalah air ini akan dapat diatasi," katanya.

Abdullah berkata Malaysia akan meneruskan rundingan dan kedua-dua pihak perlu menghadapi perkara itu secara konstruktif.

Katanya, Malaysia telah memberikan jaminan bahawa bagi pihak Malaysia, Singapura akan terus menerima bekalan air.

Isu yang timbul sekarang adalah mengenai perkara terperinci seperti harga setiap gelen, air bertapis atau tidak serta lain-lain perkara, katanya.

"Kita tidak akan membiarkan penduduk Singapura tidak mendapat bekalan air, mereka boleh dahaga dan terancam nyawa kerananya. Kita tidak akan berbuat demikian," katanya.

Ditanya oleh seorang wartawan dari Singapura sama ada Malaysia menjangka Singapura akan membayar lebih bagi air, Abdullah berkata: "Sudah pasti kita mahu lebih...Mereka pula mahukan kurang. Mesti ada harga yang parasnya dipersetujui kedua-dua pihak.

Ditanya sama ada terdapat apa-apa formula yang dipersetujui semasa pertemuan antara Dr Mahathir dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew tahun lepas, Abdullah berkata beliau tidak tahu.

Mengenai pengumuman Dr Mahathir di Melaka bahawa kerajaan akan mengadakan operasi besar-besaran membanteras kedatangan pendatang tanpa izin dengan mereka yang tidak mempunyai permit kerja akan dihantar balik secara berperingkat-peringkat, beliau berkata, tindakan yang akan diambil itu khususnya kerana terlalu banyak pendatang tanpa izin yang datang ke sini.

Ia telah dirancang dan sudahpun dijalankan oleh pihak polis, katanya.

Ditanya sama ada tindakan kerajaan itu boleh menyebabkan keresahan di kalangan golongan terbabit beliau berkata: "Boleh jadi mereka merasa takut, tetapi orang yang datang tanpa izin ini saya percaya dari awal-awal lagi dia dah tahu dah.

"Kalau diketahui (seseorang itu pendatang tanpa izin), dia ditangkap dan tentu mereka akan dihantar balik. Ini bukan satu perkara yang menggemparkan dia ...dia dah tahu dah. Tunggu masa sahaja," katanya.

-- BERNAMA

SHS AFY PR